

# Bekas pengarah didenda RM85,000

Didakwa guna dokumen sokongan palsu dalam laporan akhir perbelanjaan

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Pengarah Malaysian Intellect Development Foundation (MIDF) didenda RM85,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam, berhubung penyelewengan dana Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

Tertuduh, S Vijaya Kumar S Sinnakannu, 47, dikenakan denda itu selepas mengaku bersalah sebaik tuduhan pilihan dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Suzana turut mengarahkan tertuduh menjalani hukuman penjara enam bulan sekiranya gagal membayar denda terbabit.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa dengan curangnya menggunakan sebagai tulen suatu dokumen iaitu baucar bayaran bernilai RM75,000 yang mana beliau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen itu adalah palsu.

## Sedia dokumen palsu

Tertuduh menyediakan dokumen sokongan palsu iaitu baucar-bayaran MIDF dalam laporan akhir kepada MITRA bagi perbelanjaan program Tamil Schools Post COVID-19 Assistance (TAS-COVID) dan siasatan mendapati syarikat dinamakan dalam baucar bayaran itu tidak membuat pembekalan pensani-tan tangan bagi program itu.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan Seksyen 465 kanun sama itu di Unit MITRA

Kementerian Perpaduan Negara, Aras 6, Blok F9, Kompleks F, Lebuhraya Perdana Timur A, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya pada 2 Julai lalu.

Jika sabit kesalahan boleh dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda, atau dengan kedua-duanya sekali.

Prosiding kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Kalaiyani Annadorai.

Sementara itu, tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu dikenakan denda minimum dan tidak dipenjarakan atas alasan dia kesal perbuatannya dan memberikan kerjasama baik kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepanjang tempoh remannya selama enam hari.

Katanya, tiada transaksi kewangan daripada program MITRA masuk ke akaunnya, malah beliau meletakkan semua jawatan di MIDF dan kini bekerja sebagai jururunding bebas dengan pendapatan tidak menentu.